



KERAJAAN negeri Perlis terpaksa mencatu bekalan air jika paras Empangan Timah Tasoh, Kangar terus menyusut akibat cuaca panas melampau sejak beberapa bulan lalu.

Paras Empangan Timah Tasoh terus merosot

Kerajaan Perlis mungkin catu bekalan air

KANGAR – Kerajaan negeri Perlis tidak menolak kemungkinan untuk melaksanakan catuan air sekiranya paras air Empangan Timah Tasoh di sini menyusut sehingga ke paras 26.2 meter.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, Majlis Keselamatan Negeri akan bermesyuarat dengan agensi terlibat untuk menentukan kawasan yang akan terbabit dengan catuan dan tindakan untuk membantu rakyat yang terlihat dengan catuan.

“Sekiranya hujan tidak turun dalam masa empat hari lagi, kerajaan negeri tidak mempunyai pilihan melainkan mencatu air kerana sumber utama bekalan dari Empangan Timah Tasoh semakin surut,” katanya di sini semalam.

Azlan memaklumkan, operasi pembenihan awan akan dilakukan pada hari ini di kawasan Empangan Timah Tasoh oleh Jabatan Meteorologi Malaysia yang dijangka berlanjutan sehingga 18 April.

Enam empangan surut ke paras kritikal

Cuaca panas melampau akibat fenomena

KERATAN Kosmo! 6 April 2016.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis, Abdul Najib Abdullah berkata, pihaknya menjangka air empangan berkenaan mampu bertahan untuk memenuhi keperluan domestik sehingga Mei ini jika keadaan kemarau sekarang berlanjutan.

Ujar beliau, paras air Empangan Timah Tasoh mencatat bacaan 26.29 meter, susut sebanyak 0.02 meter berbanding 26.31 meter kelmarin.

Beliau berkata, empangan tersebut yang menampung 13.21 juta meter padu air menyalurkan 58,000 meter padu air sehari untuk pengguna domestik di kawasan Padang Besar, Wang Kelian dan utara Kangar.